

Pengerusi 1MDB akui jawab soalan sukar PAC, tapi berjaya
Malaysian Insider
Jan 20, 2016
Oleh KC Nazari

Pengerusi 1Malaysia Development Berhad (1MDB) Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin berkata beliau "menjawab soalan-soalan sukar" di hadapan anggota Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC).

Beliau berkata demikian sewaktu diserbu wartawan di bangunan sementara Parlimen dan ditanya tentang sesi soal jawab bersama PAC pagi ini.

"Sebahagian soalnya sukar dan saya berjaya jawab semua," katanya.

Ditanya jika panel PAC berpuas hati dengan jawapannya, Lodin berkata beliau rasa mereka berpuas hati.

Lodin bagaimanapun tidak memberikan jawapan ketika ditanya tentang dakwaan pemindahan wang AS\$700 juta daripada 1MDB ke syarikat Good Star Ltd yang dilaporkan mempunyai kaitan dengan ahli perniagaan Low Taek Jho.

"Saya tak dapat jawab soalan itu," katanya ketika ditanya jika 1MDB memberikan kelulusan untuk pemindahan tersebut. – 20 Januari, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pengerusi-1mdb-akui-jawab-soalan-sukar-pac-tapi-berjaya>